

YBhg Dato'/Datin Paduka/Datin/Tuan/Puan;

1. Sukacita dimaklumkan bahawa, semua permohonan janji temu bagi Unit Pendaftaran dan Unit Pindahmilik adalah menggunakan pautan yang akan dimuatnaik di laman sesawang Pejabat Daerah dan Tanah Petaling <https://www.selangor.gov.my/petaling.php> pada 6 September 2021 (Isnin). Tarikh janji temu yang akan dibuka kepada pelanggan adalah bermula 1 Oktober 2021.
2. Bagi permohonan janji temu yang telah diterima sehingga 2 September 2021, ianya akan diselesaikan secara berperingkat sepanjang bulan September 2021.
3. Oleh yang demikian, sebagai proses peralihan, **urusan permohonan janji temu menerusi emel adalah dihentikan bermula pada 3 September 2021 (Jumaat).**
4. Kerjasama YBhg Dato'/Datin Paduka/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**Pentadbir Tanah Petaling**  
**3 September 2021**